

# 2,232 pelajar Kolej Matrikulasi Labuan selamat tiba di kampung

KOLEJ Matrikulasi Labuan telah menghantar pulang 2,232 pelajar ke kampung halaman masing-masing secara berperingkat-peringkat mulai 2 Mei sehingga 19 Mei lalu.

Pengarah KML Mohd Idris Omar berkata, seramai 1,528 pelajar telah balik dari Labuan ke lebih 30 destinasi di Sabah.

Manakala 704 pelajar dihantar pulang ke Kuching, Miri, Bintulu dan Sibul, Sarawak.

Ia membabitkan perjalanan laut dan darat iaitu Terminal Feri Labuan ke Terminal Feri Menumbok dan seterusnya ke destinasi-destinasi di seluruh Sabah.

Penghantaran pulang pelajar-pelajar juga melibatkan beberapa penerbangan sewa khas dari Lapangan Terbang Labuan ke Sarawak.

Pergerakan pertama melibatkan pelajar seramai 41 orang ke Sarawak menaiki feri ialah pada 2 Mei ke Limbang dan Lawas, Sarawak.


Manakala pergerakan pertama ke Sabah pula bermula pada 5 Mei melibatkan 91 pelajar ke Kota Marudu, Kudat, Tenom, Kuala Penyu, Membakut dan Sipitang.

Pergerakan terakhir ialah pada 18 Mei melibatkan 154 pelajar ke Tawau, Sabah.

Penghantaran pulang pelajar-pelajar yang terkandas untuk pulang ke rumah masing-masing adalah daripada usaha pihak pengurusan Kolej Matrikulasi Labuan, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Labuan, Kement-



**BERBARIS:** Pelajar berbaris untuk menaiki bas ke Terminal Feri Labuan.



**PERIKSA SUHU:** Pemeriksaan suhu badan dilakukan di Terminal Feri Menumbok oleh KKM.



**PEMERIKSAAN:** Pemeriksaan suhu untuk memastikan semua pelajar dalam keadaan sihat.



**DISINFEKSI:** Proses disinfeksi beg dan barang milik pelajar oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan.

**PEMANTAUAN:** Dr Fary Akmal Osman (dua kanan) bersama Mohd Idris (tiga kiri) ketika melakukan pemantauan terakhir pergerakan pelajar KML yang pulang ke Sabah di Terminal Feri Labuan, Selasa lalu.

ruskan kepulangan pelajar-pelajar.

"Saya mengucapkan terima

kasih kepada pengurusan KML dan pihak lain yang membantu menguruskan

operasi penghantaran pulang pelajar KML ke Sabah dan Sarawak," katanya.

rian Pendidikan Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan, PDRM, ATM dan KKM sejak 2 Mei yang lalu.

Salah seorang pelajar Siti Nur Adilah Esnan berkata, beliau bersyukur kerana dapat pulang berhari raya setelah sekian lama terkandas di asrama.

Beliau yang pulang ke Sandakan mengucapkan ribuan terima kasih kepada KML serta pihak lain yang bertungkus-lumus mengu-